



JAS



JABATAN ALAM SEKITAR
E-ISSN 2710-5644



HARI ALAM SEKITAR NEGARA 2025

هاري عالم سكيتر نكارا



“ALAM SEKITAR TANGGUNGJAWAB BERSAMA”



Kumpulan Editorial



PENASIHAT

Nor Aziah Binti Jaafar S.I.S



KETUA EDITOR

Salkiah binti Mohamad Salleh Tan



EDITOR

Ts. Ir. Shazana binti Mohd Ibrahim



EDITOR

Zainirul Ailis binti Mustafa

ISI KANDUNGAN

PRAKATA KETUA PENGARAH JAS 3

OKTOBER 2025

PERASMIAN SAMBUTAN HARI OZON SEDUNIA 2025 PERINGKAT KEBANGSAAN MESYUARAT MENTERI-MENTERI ALAM SEKITAR DAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI YANG BERTANGGUNGJAWAB MENGENAI ALAM SEKITAR (MEXCOE) BIL. 2/2025	4-5
SEMINAR "OZONE TO CLIMATE"	6-7
PELANCARAN BUKU "SAFEGUARDING WATER QUALITY FOR A SUSTAINABLE MALAYSIA"	8-9
PROGRAM CERAMAH PENJAGAAN ALAM SEKITAR DARI PERSPEKTIF ISLAMSEMPENA SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR NEGARA (HASN) 2025	10-11
KUNJUNGAN HORMAT KEPADA MENTERI BESAR KELANTAN, YANG AMAT BERHORMAT DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' MOHD NASSURUDDIN DAUD OLEH KETUA PENGARAH ALAM SEKITAR, YBHG. DATO' WAN ABDUL LATIFF WAN JAFFAR	12
SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR NEGARA (HASN) 2025 PERINGKAT KEBANGSAAN "ALAM SEKITAR, TANGGUNGJAWAB BERSAMA"	13
	14-15

NOVEMBER 2025

KARNIVAL JOM E-WASTE 2025 BERSEMPENA SAMBUTAN HARI E-WASTE ANTARABANGSA MAJLIS PERASMIAN KEMPEN KAMAMPANAN HUTAN GAMBUT TANGGUNGJAWAB BERSAMA SEMPERNA HARI ALAM SEKITAR NEGARA 2025	16-17
SESI LIBAT URUS KETUA PENGARAH ALAM SEKITAR BERSAMA MEDIA BERTEMAKAN "MENGIMBANGI FAKTA, PERSEPSI DAN TINDAKAN PENGUATKUASAAN"	18
THE 37TH MEETING OF THE PARTIES (MOP37) TO THE MONTREAL PROTOCOL ON SUBSTANCES THAT DEplete THE OZONE LAYER	19
LIBAT URUS DAN MESYUARAT TASK FORCE HALA TUJU PEMBENTUKAN LEMBAGA ALAM SEKITAR	20-21
PELAKSANAAN PROGRAM FOCUS GROUP DISCUSSION (FGD) BAGI PENAMBAHBAIKAN ENVIRONMENTAL IMPACT ASSESSMENT (EIA) GUIDELINES FOR DEVELOPMENT IN SLOPE AND HILL AREAS	22
PERHIMPUNAN BULANAN JAS BIL. 6/2025	23-24
SEKOLAH ANGKAT MADANI (SAM) 2025 JAS: MEMACU KUALITI PENDIDIKAN LESTARI	25
MESYUARAT PENYELARASAN KANDUNGAN LAPORAN KUALITI ALAM SEKELILING (EQR), LAPORAN TAHUNAN (AR) DAN BUKU KOMPENDIUM JAS TAHUN 2025	26-27
	28-29

DISEMBER 2025

LAWATAN KERJA TIMBALAN KETUA PENGARAH (PEMBANGUNAN) JABATAN ALAM SEKITAR KE TAPAK CADANGAN PROJEK PENAMBAKAN DI PELABUHAN KEMAMAN, TERENGGANU	30
OPS GERAK 2025: JAS PERKUKUH PENGUATKUASAAN KAWALAN PENCEMARAN KENDERAAN	31-32
KUNJUNG HORMAT MET MALAYSIA KE ATAS JAS PERKUKUH KERJASAMA STRATEGIK	33
PROGRAM SERAHAN KAMPUNG ANGKAT MADANI (KAM) JAS 2025	34

HEBAHAN KOLEKSI BUKU PERPUSTAKAAN EIMAS DAN IBU PEJABAT JAS	35-40
---	-------

WORD SEARCH PUZZLE	41
--------------------	----





Suukur ke hadirat Allah SWT,

kerana dengan izin-Nya, e-Buletin Jabatan Alam Sekitar (JAS) Bilangan 4 Tahun 2025 berjaya diterbitkan sebagai penutup tirai tahun 2025, merakam pelbagai usaha, pencapaian dan inisiatif strategik Jabatan sepanjang suku keempat ini.

Tempoh ini menyaksikan JAS terus memperkukuh peranan sebagai agensi peneraju penguatkuasaan dan pengurusan alam sekitar negara melalui tindakan bersepadu menangani isu pencemaran air, pengurusan buangan terjadual, pemantauan industri berisiko tinggi serta pengukuhan pelaksanaan perundangan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Pelaksanaan operasi penguatkuasaan berfokus, pemantauan berterusan serta kerjasama erat dengan pelbagai agensi dan pihak berkepentingan membuktikan komitmen JAS dalam memastikan pematuhan alam sekitar sentiasa berada pada tahap tertinggi.

Usaha mendidik dan meningkatkan kesedaran awam melalui program Pendidikan, Kesedaran dan Komunikasi Alam Sekitar (CEPA) juga terus diperkasakan. Pendekatan berterusan ini membuktikan bahawa kejayaan pengurusan alam sekitar memerlukan sokongan, kefahaman dan tindakan bersama daripada semua pihak.

Sambutan Hari Alam Sekitar Negara Peringkat Kebangsaan Tahun 2025 yang telah dianjurkan di Negeri Kelantan bukan sahaja menjadi platform memperkukuh mesej kelestarian alam sekitar kepada masyarakat, malah mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan dalam memperluas agenda kelestarian hingga ke peringkat akar umbi. Penglibatan pelbagai lapisan masyarakat, agensi kerajaan, pihak industri, institusi pendidikan serta pertubuhan bukan kerajaan telah menyerlahkan semangat kebersamaan dalam memelihara dan memulihara alam sekitar negara.

Dalam masa yang sama, Jabatan turut memberi penekanan kepada pembangunan kapasiti dan kesiapsiagaan organisasi, termasuk latihan teknikal, pemerkasaan kompetensi pegawai, penggunaan teknologi dalam pemantauan alam sekitar serta penambahbaikan sistem kerja yang lebih cekap dan berimpak. Pendekatan ini penting bagi memastikan JAS kekal relevan, berdaya tahan dan responsif terhadap cabaran alam sekitar yang semakin kompleks.

Buletin ini bukan sekadar dokumentasi aktiviti, malah mencerminkan nilai kerja warga JAS yang berintegriti, profesional dan berfokuskan hasil, selari dengan aspirasi Malaysia MADANI dan agenda kelestarian negara.

Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada seluruh warga JAS atas dedikasi, pengorbanan dan komitmen yang tidak berbelah bahagi sepanjang tahun 2025. Semoga segala usaha yang dicurahkan terus diberkati dan memberikan manfaat berpanjangan kepada kesejahteraan rakyat serta kelestarian alam sekitar negara.

**“Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama”
“Malaysia Madani”**

DATO' WAN ABDUL LATIFF BIN WAN JAFFAR
Ketua Pengarah Alam Sekitar
Jabatan Alam Sekitar Malaysia
Disember 2025



PERASMIAN SAMBUTAN HARI OZON SEDUNIA 2025 PERINGKAT KEBANGSAAN

4 OKTOBER 2025, PUTRAJAYA

Majlis Perasmian Sambutan Hari Ozon Sedunia 2025 Peringkat Kebangsaan yang berlangsung di Alamanda Shopping Centre, Putrajaya telah disempurnakan oleh YB Dato' Sri Huang Tiong Sii, Timbalan Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, dengan diiringi oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Kelestarian Alam), Datuk Nor Yahati binti Awang, serta Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar, Dato' Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar, bersama barisan Pengurusan Tertinggi JAS dan NRES.

Tema sambutan pada tahun ini, "From Science to Global Action" atau "Dari Sains ke Tindakan Global", menekankan kepentingan sains dan bukti saintifik di bawah Konvensyen Vienna, Protokol Montreal serta Pindaan Kigali sebagai pemangkin kepada kerjasama global dalam memulihkan lapisan ozon serta menangani cabaran perubahan iklim.



YB Timbalan Menteri dalam ucapannya turut mengumumkan bahawa Kerajaan Malaysia telah bersetuju supaya Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam menandatangani Perjanjian Geran bagi Pelan Pelaksanaan Kigali Malaysia Peringkat 1 bersama Bank Dunia untuk menyokong pelaksanaan projek penukaran teknologi kepada penggunaan bahan penyejuk mesra alam sekitar yang melibatkan tiga syarikat tempatan, bantuan kepada sektor perkhidmatan dan penyelenggaraan, pembangunan kapasiti serta penguatkuasaan. Langkah ini sekali gus memperkukuh komitmen Negara dalam pelaksanaan Protokol Montreal.



Dalam majlis tersebut juga, YB Timbalan Menteri turut menyampaikan Sijil Pengiktirafan kepada tujuh (7) Pusat Pemerolehan Semula Refrigeran di Malaysia. Pengiktirafan ini merupakan langkah penting dalam memperkukuh amalan Pengurusan Kitar Hayat Refrigeran (Lifecycle Refrigerant Management – LRM) secara lestari. Pendekatan ini mampu mencegah pelepasan bahan terkawal di bawah Protokol Montreal, memanjangkan jangka hayat bahan penyejuk sedia ada serta menyokong pembangunan ekonomi kitaran.

Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar Dato' Wan Abdul Latiff Wan Jaffar berkata sambutan Hari Ozon Sedunia 2025 bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan melindungi lapisan ozon dan mengurangkan pemanasan global. Sambutan itu juga mengukuhkan kerjasama antara kerajaan, industri dan komuniti dalam melaksanakan Protokol Montreal, selaras dengan komitmen Malaysia terhadap kelestarian alam sekitar. Jabatan Alam Sekitar (JAS) akan terus memastikan semua polisi, dasar, pelan dan strategi dalam penghapusan HCFC dan pengurangan hidrofluorokarbon (HFC) dapat dilaksanakan dengan penglibatan serta kerjasama semua pihak berkepentingan.

Sambutan yang berlangsung selama dua hari iaitu pada 4 dan 5 Oktober 2025 ini menampilkan konsep interaktif dan santai. Pelbagai aktiviti telah diadakan bagi mendekatkan mesej pemeliharaan alam sekitar kepada masyarakat, antaranya pertandingan mewarna, sesi pocket talk, kuiz alam sekitar, sembang santai berinformasi, demonstrasi oleh Petrosains, edutainment interaktif, seni persembahan serta reruai pameran oleh rakan strategik dari persatuan dan industri. Jabatan Alam Sekitar merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang telah memberi kerjasama dan menyokong usaha pemeliharaan alam sekitar, khususnya dalam melindungi lapisan ozon. Kerjasama ini diharap dapat diteruskan dalam memastikan kelestarian bumi untuk generasi masa hadapan.

MESYUARAT MENTERI-MENTERI ALAM SEKITAR DAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI YANG BERTANGGUNGJAWAB MENGENAI ALAM SEKITAR (MEXCOE) BIL. 2/2025

KUALA LUMPUR, 6 OKTOBER 2025

Mesyuarat MEXCOE Bil. 2/2025 telah dipengerusikan oleh YB Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani, Menteri Perladangan dan Komoditi Memangku Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam.

Turut hadir, YB Dato' Sri Huang Tiong Sii, Timbalan Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam; Menteri-menteri dan Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri dari seluruh negara; YBhg. Datuk Dr. Ching Thoo A/L Kim, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES); serta pegawai-pegawai kementerian, jabatan, dan agensi yang berkaitan dengan alam sekitar dari peringkat Persekutuan dan Negeri.





Delegasi Jabatan Alam Sekitar (JAS) diketuai oleh YBhg. Dato' Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar, Ketua Pengarah Alam Sekitar Malaysia, bersama barisan pengurusan tertinggi JAS yang turut disertai oleh Dr. Norhazni binti Mat Sari, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi); Puan Hajah Azuri Azizah binti Haji Saedon, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan); serta Pengarah-Pengarah dan pegawai-pegawai kanan dari Bahagian Ibu Pejabat JAS dan EiMAS.

Dalam mesyuarat ini, JAS telah membentangkan Kertas Makluman bertajuk: "Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Pewakilan Kuasa Kepada Jabatan Kerajaan, Pihak Berkuasa Tempatan dan Perbadanan) 2025" yang disampaikan oleh Tuan Haji Rosli bin Zul, Pengarah Bahagian Penguatkuasa.

Mesyuarat turut menegaskan bahawa pewakilan kuasa ini merupakan satu langkah penting serta simbol kerjasama strategik antara agensi-agensi kerajaan dalam memastikan isu pencemaran dapat ditangani secara menyeluruh.

Diharapkan mesyuarat ini akan terus memperkukuh sinergi antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri, demi mencapai matlamat kelestarian alam sekitar negara.

SEMINAR “OZONE TO CLIMATE”

16 OKTOBER 2025, KUALA LUMPUR




Jabatan Alam Sekitar telah menganjurkan Seminar “Ozone to Climate” bersempena dengan Sambutan Hari Ozon Sedunia 2025 di Kuala Lumpur Convention Centre dan dirasmikan oleh YBhg. Dato’ Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar, Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar.

Seminar ini merupakan satu platform perkongsian kejayaan Malaysia dalam melaksanakan pelan-pelan penghapusan penggunaan bahan pemusnah ozon di bawah Protokol Montreal bersama-sama dengan pihak berkepentingan dari agensi kerajaan, agensi swasta, industri dan pusat akademik.

Turut dijemput hadir ialah Dr. Viraj Vithoontien, Montreal Protocol Expert Consultant dari World Bank Group, yang menyampaikan perkongsian mengenai peranan dan tindakan dalam memperkukuh usaha global melindungi lapisan ozon serta menangani perubahan iklim di bawah Protokol Montreal dan pindaan Kigali 2016.

Selain itu, panel-panel pembentang daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Kuala Lumpur (UNIKL), Adtech Kepala Batas, Iwatani, dan Taxcarrier turut berkongsi pengetahuan dan pengalaman berkaitan Pelan Pelaksanaan Kigali di Malaysia, projek pertukaran teknologi, pengurusan kitar hayat bahan penyejuk (refrigerant), serta kejayaan pelaksanaan Program Juruteknik Bertauliah (CSTP), yang merupakan antara inisiatif utama dalam menyokong komitmen dan obligasi negara di bawah Protokol Montreal.





Dalam seminar ini, Ketua Pengarah Alam Sekitar, YBhg. Dato' Wan Abdul Latiff Bin Wan Jaffar, turut menyampaikan sijil penghargaan kepada Free The Seed Sdn. Bhd. dan Pertubuhan Peladang Kawasan Pendang Selatan atas usaha dan inisiatif mereka dalam melaksanakan amalan pembakaran sifar (zero burning) dengan menggunakan yang dikumpul untuk menghasilkan produk lain seperti barang pembungkus mesra alam, yang bukan sahaja membantu mengurangkan pembakaran terbuka dan pelepasan karbon, tetapi juga meningkatkan pendapatan lebih 600 pesawah daripada golongan B40 di negeri Kedah.



Jabatan Alam Sekitar ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua rakan kongsi, pihak berkepentingan, agensi kerajaan, agensi swasta, industri dan pusat akademik atas sokongan berterusan dalam menjayakan usaha dan tindakan Malaysia di bawah Protokol Montreal dan Pelan Pelaksanaan Kigali. Semoga seminar ini menjadi platform untuk terus mengukuhkan komitmen bersama dalam melindungi lapisan ozon dan menangani isu perubahan iklim di peringkat national dan global.



PELANCARAN BUKU “SAFEGUARDING WATER QUALITY FOR A SUSTAINABLE MALAYSIA”



16 OKTOBER 2025, KUALA LUMPUR

Jabatan Alam Sekitar (JAS) melalui Seksyen Penerbitan dan Perpustakaan, Bahagian Komunikasi Strategik dengan kerjasama PSTW Sdn. Bhd terus memperkukuh komitmennya dalam memastikan kelestarian sumber air negara melalui penerbitan buku “Safeguarding Water Quality for a Sustainable Malaysia”.

Pelancaran yang disempurnakan oleh YB Dato’ Sri Huang Tiong Sii, Timbalan Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam dengan diiringi oleh YBhg. Datuk Dr. Ching Thoo a/l Kim dan YBhg. Dato’ Wan Abdul Latiff Wan Jaffar, Ketua Pengarah Alam sekitar bersempena International Greentech & Eco Products Exhibition and Conference Malaysia (IGEM) 2025 menandakan satu detik penting dalam usaha nasional memperkukuh pengurusan kualiti air secara holistik dan bersepadu.

Penerbitan ini adalah hasil kerjasama JAS bersama rakan strategik daripada pelbagai agensi kerajaan, akademik dan industri, sekaligus menjadikannya rujukan penting kepada pembuat dasar, penyelidik, dan masyarakat umum. Buku ini menggarap hasil penyelidikan, pengalaman lapangan, dasar serta pendekatan holistik dalam memastikan kualiti air negara sentiasa terpelihara selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG 6) yang menekankan akses kepada air bersih dan sanitasi untuk semua. Buku ini menampilkan kompilasi menyeluruh mengenai usaha-usaha Malaysia dalam memelihara kualiti air melalui strategi nasional, inisiatif negeri, dan penglibatan aktif komuniti. Ia turut menekankan peranan penting pendidikan dan kesedaran awam dalam memastikan pemeliharaan sumber air menjadi tanggungjawab bersama antara kerajaan, industri, dan masyarakat.





*PROGRAM
CERAMAH
PENJAGAAN ALAM
SEKITAR
DARI PERSPEKTIF
ISLAM
SEMPENA
SAMBUTAN
HARI ALAM
SEKITAR NEGARA
(HASN) 2025*

23 Oktober 2025 |

Masjid Muhammadi, Kota Bharu, Kelantan

Jabatan Alam Sekitar (JAS) bersama Majlis Agama Islam Kelantan dengan kerjasama kariah Masjid Muhammadi telah menganjurkan Ceramah Penjagaan Alam Sekitar dari Perspektif Islam sebagai salah satu program sisipan sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Negara 2025.

Ceramah telah disampaikan oleh YB. SS Dato' Haji Mohamad Shukri bin Mohamad, Mufti Negeri Kelantan, yang menekankan kepentingan tanggungjawab umat Islam dalam memelihara kelestarian alam sebagai amanah Allah SWT.

Turut hadir Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar, YBhg. Dato' Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar bersama barisan pengurusan tertinggi Jabatan Alam Sekitar.



KUNJUNGAN HORMAT KEPADA MENTERI BESAR KELANTAN, YANG AMAT BERTHORMAT DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' MOHD NASSURUDDIN DAUD OLEH KETUA PENGARAH ALAM SEKITAR, YBHG. DATO' WAN ABDUL LATIFF WAN JAFFAR



24 OKTOBER 2025, KELANTAN

Kunjungan hormat ini diadakan bagi memperincikan pengisian program sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Negara yang akan berlangsung di Kelantan pada 24 hingga 25 Oktober 2025.

Turut serta dalam kunjungan hormat ini ialah Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), Puan Azuri Azizah Haji Saedon dan Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Kelantan, Encik Wan Amirnordin bin Wan Kamaruddin serta Encik Mohd Helmi bin Ahmad, Ketua Penolong Pengarah Kanan Bahagian Komunikasi Strategik.



SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR NEGARA (HASN) 2025 PERINGKAT KEBANGSAAN "ALAM SEKITAR, TANGGUNGJAWAB BERSAMA"



24 OKTOBER 2025,
KOTA BHARU,
KELANTAN

Sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) 2025 Peringkat Kebangsaan telah diadakan dengan penuh meriah di Kota Bharu, Kelantan. Majlis telah disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Haji Mohd Nassuruddin bin Haji Daud, Menteri Besar Kelantan.

Turut hadir ialah Yang Berbahagia Dato' Dr. Ching Thoo A/L Kim, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES), yang diiringi oleh Yang Berbahagia Dato' Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar, Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) bersama Pengurusan Tertinggi NRES dan JAS.





Sambutan HASN merupakan acara tahunan yang bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar selaras dengan tema "Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama". Tahun ini, sambutan turut bertepatan dengan ulang tahun ke-50 penubuhan Jabatan Alam Sekitar, yang membawa mesej memperkukuh budaya kelestarian dan tanggungjawab bersama terhadap alam sekitar.



Majlis perasmian diserikan dengan pelbagai pengisian termasuk gimik pelancaran Sambutan HASN 2025, pelancaran buku "Sedekad Hari Alam Sekitar", serta penyampaian Anugerah Media Jabatan Alam Sekitar dan Penghargaan Khas Rakan Alam Sekitar kepada individu dan organisasi yang menunjukkan komitmen tinggi terhadap agenda kelestarian.

Sambutan HASN 2025 kali ini turut menampilkan pameran interaktif, persembahan kebudayaan, dan aktiviti pendidikan alam sekitar yang melibatkan pelbagai agensi kerajaan, pihak industri, institusi pendidikan serta pertubuhan bukan kerajaan.



MAJLIS PERASMIAN KEMPEN KAMAMPANAN HUTAN GAMBUT TANGGUNGJAWAB BERSAMA SEMPENA HARI ALAM SEKITAR NEGARA 2025

1 NOVEMBER 2015, DENGKIL

Majlis Perasmian Kempen Kemampanan Hutan Gambut Tanggungjawab Bersama Sempena Hari Alam Sekitar Negara anjuran Bahagian Oomunikasi Strategik (BKS), Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) telah berlangsung di Balai Informasi Budaya Temuan, Hutan simpan Kuala Langat Utara. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Encik Mihd Helmi Ahmad, Ketua Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Komunikasi Strategik, JAS.

Majlis turut dihadiri Gs. Dr. Zulfa Hanan Ash'aari Ketua Program Jabatan Sains dan Teknologi Alam Sekitar, Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar UPM, Puan Debora Belawan Penolong Pengarah Seksyen Ladang Hutan & Inovasi Jabatan Perhutanan Negeri Selangor(JPNS), En. Raman Bin Pahap, Tok Batin Suku Temuan Pulau Kempas En. Logarai Ramakreshnan, Pegawai Kanan Program Global Environment Centre (GEC), Pegawai JAS, pelajar UPM, dan komuniti orang asli Temuan.



Majlis perasmian diserikan dengan gimik perasmian, persembahan tarian oleh komuniti setempat dan sesi perkongsian/ knowledge transfer berkaitan tanah gambut dari jabatan/ agensi yang hadir termasuk JAS, JPNS, UPM dan GEC sendiri serta pameran dari pelajar UPM.

Jabatan amat mengalu alukan kerjasama seumpama ini pada masa akan datang yang bukan sahaja dapat meningkatkan pengetahuan dan kesedaran berkaitan tetapi ianya juga dapat meningkatkan jalinan komunikasi antara Jabatan dan semua yang terlibat dengan meliputi pelbagai peringkat umur dan latar belakang. Semoga program seperti ini dapat diteruskan dengan lebih giat pada masa akan datang.



KARNIVAL JOM E-WASTE 2025 BERSEMPENA SAMBUTAN HARI E-WASTE ANTARABANGSA

1 NOVEMBER 2025, SELANGOR

Jabatan Alam Sekitar (JAS) hari ini telah menganjurkan Karnival Jom E-Waste 2025 bersempena sambutan Hari E-Waste Antarabangsa yang diraikan pada 14 Oktober setiap tahun. Program ini bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan pengurusan sisa elektrik dan elektronik (e-waste) secara betul dan mesra alam.

Tema sambutan tahun ini, "E-Waste Dikitar, Bumi Terpelihara", menekankan tanggungjawab bersama semua pihak dalam memastikan e-waste dikitar semula melalui saluran yang sah serta memelihara kelestarian alam sekitar.

Menurut Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar, YBhg. Dato' Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar, e-waste yang tidak diuruskan dengan baik boleh mencemarkan tanah, air dan udara serta menjejaskan kesihatan manusia akibat pendedahan kepada bahan toksik seperti plumbum, merkuri dan kadmium.



Sehubungan itu, kerajaan terus memperkukuh sistem pengurusan e-waste negara berasaskan prinsip Extended Producer Responsibility (EPR) dan Shared Responsibility, yang menuntut kerjasama semua pihak dalam rantai nilai e-waste daripada pengeluar hingga pengguna. Setiap individu turut memainkan peranan penting dalam memastikan bumi kekal lestari. Marilah kita menjadikan amalan kitar semula e-waste sebagai budaya hidup demi kelangsungan generasi masa depan yang menikmati bumi lebih bersih dan selamat.

Karnival Jom E-Waste 2025 yang diadakan di AEON Mall Bukit Raja, Klang, berlangsung dari 10.00 pagi hingga 10.00 malam, menampilkan pelbagai aktiviti menarik seperti program pengumpulan e-waste, pertandingan mewarna, kuiz interaktif, sesi pocket talk, penampilan maskot E-CHA, Mina Mila dan Little Ammar, reruai pameran oleh rakan strategik serta tawaran hadiah dan cenderamata menarik kepada pengunjung.

Dalam ucapan, Dato' Wan Abdul Latiff merakamkan penghargaan kepada semua rakan strategik atas komitmen dan kerjasama dalam menjayakan penganjuran karnival ini. "Melalui penglibatan aktif kerajaan, industri, pihak berkuasa tempatan, NGO serta masyarakat, kita dapat membina ekosistem pengurusan e-waste yang mampan, selari dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 2030 dan prinsip Environmental, Social and Governance (ESG). Marilah kita bersama-sama mengitar e-waste demi bumi yang lebih hijau, bersih dan sejahtera untuk generasi akan datang," ujar beliau.

Turut hadir dalam majlis perasmian pada hari ini ialah Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), Dr. Norhazni Mat Sari, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), Puan Azuri Azizah Haji Saedon dan Pengarah Bahagian Bahan Berbahaya, Ts. Azlan Ahmad dan Timbalan Setiausaha Bahagian Pengurusan Alam Sekitar, Encik Mahadi Sukarno.




SESI LIBAT URUS KETUA PENGARAH ALAM SEKITAR BERSAMA MEDIA BERTEMAKAN “MENGIMBANGI FAKTA, PERSEPSI DAN TINDAKAN PENGUATKUASAAN”

3 NOVEMBER 2025, KUALA LUMPUR

Jabatan Alam Sekitar (JAS) hari ini telah mengadakan Sesi Libat Urus Ketua Pengarah Alam Sekitar bersama Media bertemakan “Mengimbangi Fakta, Persepsi dan Tindakan Penguatkuasaan” sebagai satu inisiatif memperkukuh komunikasi strategik dan kefahaman awam terhadap peranan serta pendekatan penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh JAS.

Program ini menjadi platform perkongsian secara terus antara Ketua Pengarah Alam Sekitar bersama wakil media bagi memperjelas dasar, strategi dan langkah-langkah jabatan dalam melaksanakan penguatkuasaan alam sekitar yang berkesan serta berintegriti. Turut hadir dalam sesi libat urus ini Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), Puan Azuri Azizah Haji Saedon dan Pengarah Bahagian Bahan Berbahaya, Ts. Azlan Ahmad, Pengarah JAS Negeri Selangor, Dato' Haji Wandu Yadzid bin Haji Yaakob serta pegawai-pegawai kanan JAS.



THE 37TH MEETING OF THE PARTIES (MOP37) TO THE MONTREAL PROTOCOL ON SUBSTANCES THAT DEplete THE OZONE LAYER



3 NOVEMBER 2025, KENYA

The 37th Meeting of The Parties (MOP37) To The Montreal Protocol On Substances That Deplete The Ozone Layer telah diadakan di United Nation Office at Nairobi, Kenya pada 3-5 November 2025 untuk Segmen Persediaan (Preparatory Segment) dan 6-7 November untuk Segmen Peringkat Tertinggi (High Level Segment).

Delegasi Malaysia ke mesyuarat kali ini telah diketuai oleh YBr. Dr. Norhazni binti Mat Sar i, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), Jabatan Alam Sekitar (JAS), dan diiringi oleh Puan Nor Aziah binti Jaafar, Pengarah Bahagian Udara, serta pegawai-pegawai daripada Bahagian Pengurusan Alam Sekitar (BPAS), Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) dan Seksyen Perlindungan Ozon, JAS.

Dalam sesi Segmen Peringkat Tertinggi, YBr. Dr. Norhazni telah menyampaikan kenyataan negara yang menegaskan komitmen Malaysia terhadap pelaksanaan Protokol Montreal sebagai tonggak utama agenda alam sekitar negara. Malaysia kini sedang melaksanakan Pelan Pengurusan Penghapusan HCFC (HPMP) Peringkat III bagi mencapai penghapusan penggunaan HCFC sepenuhnya menjelang tahun 2030 dan Pelan Pelaksanaan Kigali (KIP) Peringkat I (2024-2029) bagi pengurangan penggunaan HFC yang memperkukuh komitmen negara ke arah tindakan iklim yang lebih menyeluruh. Malaysia juga turut menekankan kepentingan Pengurusan Kitar Hayat Bahan Penyejuk (Life Cycle Refrigerant Management, LRM) dan penerapan teknologi rendah pemanasan global bagi mengurangkan pelepasan gas rumah hijau, sejajar dengan aspirasi negara menuju pembangunan hijau, rendah karbon dan lestari alam.





Dalam mesyuarat MOP37, Malaysia selaku Naib Presiden MOP36 turut menghadiri mesyuarat Biro MOP36 yang diwakili oleh Pengarah Bahagian Udara, bersama pegawai daripada JAS dan BPAS pada 1 November 2025 (Sabtu). Selain itu, Malaysia juga telah dilantik sebagai Pengerusi Bersama (Co-Chair) bersama Jerman dalam mesyuarat Jawatankuasa Penetapan Belanjawan bagi pelaksanaan Protokol Montreal bagi tahun 2026 dan 2027, yang telah dipengerusikan oleh KPPK Encik Ryan Ooi Chean Weai, selaku Ketua Unit Ozon Kebangsaan (National Ozone Unit), Protokol Montreal, mewakili Malaysia.

Delegasi Malaysia turut berkesempatan mengadakan kunjungan hormat ke atas Tuan Yang Terutama Ruzaimi Mohamad, Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Kenya, yang turut hadir semasa sesi penyampaian kenyataan negara bagi menyokong ketua delegasi dan keseluruhan delegasi Malaysia.

Penyertaan Malaysia dalam MOP37 mencerminkan komitmen berterusan negara terhadap pemeliharaan lapisan ozon dan usaha mitigasi perubahan iklim selaras dengan tanggungjawab di bawah Protokol Montreal serta aspirasi Malaysia menuju masa depan yang mampan dan sejahtera.



LIBAT URUS DAN MESYUARAT TASK FORCE HALA TUJU PEMBENTUKAN LEMBAGA ALAM SEKITAR



3 NOVEMBER 2025, PUTRAJAYA

Bahagian Penilaian, Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah mengadakan sesi Libat Urus dan Mesyuarat Task Force Hala Tuju Pembentukan Lembaga Alam Sekitar secara hibrid iaitu secara fizikal bertempat di Jabatan Alam Sekitar, Putrajaya dan secara atas talian pada 3 November 2025. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Pengarah Bahagian Penilaian, JAS, YBrs. En. Norazizi Bin Adinan.

Program ini diadakan bertujuan untuk membincangkan dan menyediakan syor tindakan susulan ke arah pembentukan Lembaga Alam Sekitar berdasarkan kepada hasil dapatan kajian penubuhan Lembaga ini yang telah selesai dilaksanakan pada tahun 2023. Antara perkara yang dibincangkan adalah fungsi Lembaga, golongan yang akan dikawal selia dan penggabulan Akta khusus Lembaga.

Program ini telah dihadiri seramai 20 orang peserta yang terdiri daripada wakil daripada Lembaga Ahli Geologi Malaysia (BOG), wakil daripada Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) dan ahli Task Force yang dilantik terdiri daripada pegawai JAS Ibu Pejabat dan pegawai JAS Negeri.

JAS merakamkan setinggi penghargaan kepada pihak BOG dan MBOT atas kesudian berkongsi pengalaman agensi masing-masing menubuhkan dan mengoperasikan Lembaga di bawah kendalian agensi tersebut. Semoga sokongan dan kerjasama ini akan sentiasa diteruskan pada masa akan datang. Adalah diharapkan usaha ke arah penubuhan Lembaga Alam Sekitar akan dapat direalisasikan untuk meningkatkan lagi imej serta profesionalisme semua pengamal alam sekitar.

Kehadiran Pegawai :

- 2 orang pegawai daripada Lembaga Ahli Geologi Malaysia (BOG);
- 2 orang pegawai daripada Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT), dan
- 16 orang ahli Task Force yang dilantik terdiri daripada pegawai JAS Ibu Pejabat dan pegawai JAS Negeri.



PELAKSANAAN PROGRAM FOCUS GROUP DISCUSSION (FGD) BAGI PENAMBAHBAIKAN ENVIRONMENTAL IMPACT ASSESSMENT (EIA) GUIDELINES FOR DEVELOPMENT IN SLOPE AND HILL AREAS

6 NOVEMBER 2025, PUTRAJAYA


Bahagian Penilaian, Jabatan Alam Sekitar (JAS) Ibu Pejabat telah menganjurkan satu Focus Group Discussion (FGD) bagi Penambahbaikan Pemakaian Environmental Impact Assessment (EIA) Guidelines for Development in Slope and Hill Areas bertempat di Putrajaya. Penganjuran sesi ini bertujuan untuk menilai semula keberkesanan garis panduan sedia ada serta memperkukuh pelaksanaannya agar lebih selaras dengan dasar, polisi dan panduan terkini berkaitan pengurusan pembangunan di kawasan cerun dan tanah tinggi di peringkat Persekutuan dan Negeri.

Pelaksanaan FGD ini turut mengambil kira peningkatan aktiviti pembangunan di kawasan cerun yang berisiko tinggi terhadap kestabilan cerun, keselamatan awam dan kelestarian alam sekitar. Sehubungan itu, perbincangan memberi penekanan kepada keperluan memperkemas kriteria pemakaian Kajian EIA, skop penilaian teknikal serta kejelasan peranan dan tanggungjawab pihak berkepentingan dalam memastikan pembangunan dilaksanakan secara terkawal dan mampan.

FGD ini melibatkan penyertaan wakil-wakil daripada JAS Negeri serta pelbagai agensi teknikal yang berkaitan secara langsung dengan perancangan dan kawal selia pembangunan di kawasan cerun, antaranya PLANMalaysia, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) serta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seperti Majlis Perbandaran Ampang Jaya dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang. Penyertaan pelbagai agensi ini membolehkan perkongsian pandangan secara menyeluruh merangkumi aspek perancangan fizikal, kejuruteraan, pemetaan, kawal selia serta penguatkuasaan di peringkat pelaksanaan.



Sesi perbincangan memberi tumpuan khusus kepada isu-isu pemakaian dan pelaksanaan garis panduan EIA sedia ada, cabaran yang dihadapi di peringkat Negeri dan PBT, serta cadangan penambahbaikan terhadap keperluan Kajian EIA bagi aktiviti pembangunan di kawasan cerun yang tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127]. Antara perkara yang dibincangkan termasuk keseragaman tafsiran garis panduan, pemakaian aktiviti yang ditetapkan bagi pelaksanaan Kajian EIA, integrasi dengan keperluan kawal selia lain serta mekanisme pemantauan dan pematuhan yang lebih berkesan.



FGD ini telah dipengerusikan oleh Tuan Norazizi bin Adinan, Pengarah Bahagian Penilaian, yang turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas kehadiran serta komitmen semua ahli yang terlibat. Beliau menegaskan bahawa FGD ini merupakan satu platform penting yang dilaksanakan secara berkala bagi membolehkan JAS mendapatkan maklum balas, pandangan serta input teknikal daripada agensi-agensi berkaitan dalam usaha menambah baik dasar dan garis panduan sedia ada secara berterusan.

Jabatan Alam Sekitar berharap agar hasil perbincangan dan cadangan yang dikemukakan melalui FGD ini dapat dijadikan asas dalam memperkukuh pemakaian dan pelaksanaan Garis Panduan EIA bagi Pembangunan di Kawasan Cerun dan Tanah Tinggi. Usaha ini seterusnya diharap dapat meningkatkan tahap keselamatan pembangunan, meminimumkan risiko bencana alam, serta menyumbang ke arah pembangunan negara yang lebih lestari, selamat dan seimbang dengan keperluan pemeliharaan alam sekitar.





Perhimpunan Bulanan Jabatan Alam Sekitar (JAS) bagi November 2025 menampilkan beberapa intipati penting dalam ucapan YBhg. Dato' Wan Abdul Latiff, Ketua Pengarah Alam Sekitar.

Antara yang diberi penekanan ialah kepentingan tadbir urus kewangan yang cekap dan berdisiplin bagi memastikan kelancaran pelaksanaan program jabatan. Dalam ucapan tersebut, beliau turut memaklumkan bahawa Pensijilan MS ISO 9001:2015 berjaya dikekalkan sehingga tahun 2028, sekali gus membuktikan sistem pengurusan kualiti JAS adalah kukuh dan berkesan.

Ketua Pengarah turut menekankan mengenai Pemantapan SOP Penilaian Laporan EIA dan Penguatkuasaan EIA, yang bertujuan memastikan pelaksanaan tugas lebih seragam, telus dan berkualiti di seluruh negara.



Berkaitan Pelaksanaan Polisi Keselamatan Siber (PKS) 2.0, beliau menjelaskan bahawa inisiatif ini merupakan langkah pengukuhan keselamatan maklumat jabatan selaras dengan standard ISO/IEC 27001:2022.

Sempena Bulan Integriti Nasional, Ketua Pengarah turut menegaskan bahawa amalan integriti mesti dijadikan asas dalam setiap tugas. Beliau juga menekankan tindakan tegas terhadap penyalahgunaan dadah dalam kalangan penjawat awam sebagai komitmen mengekalkan integriti perkhidmatan.

JAS komited untuk terus meningkatkan kecemerlangan perkhidmatan, pematuhan undang-undang serta usaha pemeliharaan alam sekitar demi kesejahteraan rakyat dan negara.

Turut hadir dalam perhimpunan ini ialah Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Dr. Norhazni Mat Sari bersama para Pengarah Bahagian JAS serta Pengarah-Pengarah Negeri.



Dato' Wan Abdul Latiff Bin Wan Jaffar, Ketua Pengarah Alam Sekitar hari ini telah menyempurnakan Majlis Perasmian Rumah Hijau dan Akuaponik serta Pendigitalan Pusat Sumber Sekolah bagi inisiatif Sekolah Angkat MADANI JAS 2025 di Sekolah Kebangsaan Kampung Tun Razak, Melaka. Majlis turut dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Pejabat Pendidikan Daerah Melaka Tengah, LESTARI, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Persatuan Ibu Bapa dan Guru dan juga warga sekolah.

Melalui inisiatif ini, setiap sekolah telah menerima peruntukan RM100,000.00 dengan pelaksanaan projek-projek mengikut Garis Panduan Pelaksanaan Sekolah Angkat Madani yang telah ditetapkan. Bagi inisiatif Sekolah Angkat MADANI (SAM) di bawah bimbingan Jabatan Alam Sekitar (JAS), Sekolah Kebangsaan Kampung Tun Razak, Melaka telah melaksanakan dua projek berimpak iaitu Projek Penternakan Ikan Air Tawar secara Akuaponik dan Projek Pendigitalan Pusat Sumber. Kedua-dua projek ini mencerminkan komitmen JAS dalam memperkasa pendidikan alam sekitar melalui pendekatan teknologi hijau dan inovasi lestari di peringkat sekolah.

Bagi tahun ini, JAS telah memilih SK Kampung Tun Razak, Melaka sebagai Sekolah Angkat MADANI, berdasarkan komitmen luar biasa pihak sekolah dalam melaksanakan amalan lestari, memanfaatkan infrastruktur mesra alam dan menggalas aspirasi SLAAS ke peringkat komuniti. Pemilihan SK Kampung Tun Razak, Melaka sebagai sekolah angkat SAM 2025 juga merupakan satu pengiktirafan atas kejayaan sekolah ini menerima Anugerah SLAAS Peringkat Negeri Melaka bagi sesi 2023/2024.

Majlis ini juga menyaksikan peluncuran dokumen penting – Garis Panduan Pelaksanaan dan Penilaian SLAAS Edisi Kedua 2025 – yang akan menjadi rujukan rasmi bagi kitar ke-10 program SLAAS sesi 2025/2026. Diharapkan, sinergi antara SLAAS dan SAM dapat menyokong transformasi sekolah secara menyeluruh – bukan sahaja dari aspek alam sekitar, malah dari sudut nilai, sahsiah dan keterlibatan komuniti.

Program yang bermula pada Julai 2025 dan telah siap sepenuhnya pada November 2025 ini menjadi simbol komitmen JAS dan sekolah dalam memperkukuh pendidikan holistik dan kesejahteraan rakyat selaras agenda Malaysia MADANI.





MESYUARAT PENYELARASAN KANDUNGAN LAPORAN KUALITI ALAM SEKELILING (EQR), LAPORAN TAHUNAN (AR) DAN BUKU KOMPENDIUM JAS TAHUN 2025



28 NOVEMBER 2025, PUTRAJAYA

Mesyuarat Penyelarasan Kandungan Laporan Kualiti Alam Sekeliling (EQR), Laporan Tahunan (AR) dan Buku Kompendium JAS 2025 telah berlangsung pada 28 November 2025 di Bilik Mesyuarat Melur, Ibu Pejabat JAS. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh YBrs. Puan Hajah Azuri Azizah binti Haji Saedon, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), dengan kehadiran Person in Charge (PIC) daripada semua bahagian di Ibu Pejabat.

Dalam ucapan aluan, beliau merakamkan penghargaan atas komitmen bahagian-bahagian yang berjaya menyiapkan dan mencetak Laporan EQR 2024 lebih awal daripada jadual, iaitu pada awal Ogos. Pencapaian ini dilihat sebagai bukti kerjasama kukuh antara pasukan teknikal dan Bahagian Komunikasi Strategik, seterusnya meletakkan penanda aras positif bagi penerbitan tahun berikutnya.

Menurut YBrs. Puan TKP(P), Laporan Kualiti Alam Sekeliling bukan sekadar laporan tahunan, tetapi merupakan dokumen rasmi negara yang mencerminkan status sebenar alam sekitar Malaysia. Ketepatan data amat kritikal kerana laporan ini tertakluk kepada kehendak Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan menjadi rujukan utama kepada pembuat dasar, agensi kerajaan, industri, serta masyarakat umum.



Beliau menegaskan bahawa sebarang kesilapan dalam data atau naratif bukan sahaja menjejaskan kredibiliti jabatan tetapi juga boleh memberi implikasi terhadap persepsi awam. Oleh itu, setiap pegawai diminta memastikan data yang dihantar adalah sahih, diverifikasi dan disahkan pada setiap peringkat semakan.

Melalui mesyuarat ini, Bahagian Komunikasi Strategik turut membentangkan cadangan penambahbaikan terhadap proses kerja penerbitan serta keperluan memastikan tiada kesilapan teknikal berulang. YBrs. Puan TKP(P) menyatakan keyakinan bahawa dengan semangat kolaboratif antara semua PIC, reputasi JAS dalam aspek integriti data dan profesionalisme pelaporan dapat terus diperkukuh.



LAWATAN KERJA TIMBALAN KETUA PENGARAH (PEMBANGUNAN) JABATAN ALAM SEKITAR KE TAPAK CADANGAN PROJEK PENAMBAKAN DI PELABUHAN KEMAMAN, TERENGGANU

2 DISEMBER 2025, TERENGGANU

Bahagian Penilaian, Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah mengadakan lawatan kerja ke tapak Cadangan Projek Penambakan di Pelabuhan Kemaman, Terengganu pada 2 Disember 2025. Delegasi lawatan kerja ini diketuai oleh YBrs. Puan Hj. Azuri Azizah binti Hj. Saedon, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), Jabatan Alam Sekitar. Turut sama adalah En. Hamzah bin Mohamad, Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Terengganu.

Lawatan kerja ini diadakan susulan pengemukaan Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (Environmental Impact Assessment, EIA) bagi cadangan projek tersebut oleh Tetuan Konsortium Pelabuhan Kemaman Sdn. Bhd. Lawatan ini bertujuan untuk melihat dengan lebih jelas keadaan tapak cadangan projek, guna tanah dan aktiviti di sekitar tapak projek.



Lawatan kerja ini telah dihadiri seramai 30 orang yang terdiri daripada pegawai Bahagian Penilaian, Jabatan Alam Sekitar, pegawai Jabatan Alam Sekitar Negeri Terengganu, pegawai Jabatan Alam Sekitar Cawangan Kemaman, pengurusan EPIC Bhd, penggerak projek Konsortium Pelabuhan Kemaman Sdn. Bhd. dan Jururunding EIA, Aurecon Lestari Sdn. Bhd.

Delegasi JAS telah diberikan taklimat dan dibawa ke tapak cadangan projek penambakan iaitu di Dermaga Timur Konsortium Pelabuhan Kemaman dan kemudian ke kawasan sekitar Pantai Kuala Kemaman, Pantai Teluk Kalong dan Darul Iman Training Centre.

Kehadiran :

- 15 orang pegawai Jabatan Alam Sekitar;
- 13 orang pegawai daripada EPIC Bhd dan Konsortium Pelabuhan Kemaman Sdn. Bhd.; dan
- 2 orang Jururunding EIA, Aurecon Lestari Sdn. Bhd.

JAS berharap agar projek berkepentingan negara ini dapat dilaksanakan dengan lestari seiring dengan komitmen padu Kerajaan Negeri Terengganu dan EPIC Bhd. dalam memastikan alam sekitar dan kepentingan orang awam terpelihara.



OPS GERAK 2025: JAS PERKUKUH PENGUATKUASAAN KAWALAN PENCEMARAN KENDERAAN



4 DISEMBER 2025, SARAWAK

Jabatan Alam Sekitar (JAS) hari ini melancarkan Minggu Operasi Gerak Kenderaan Motor Peringkat Kebangsaan 2025, sebagai usaha berterusan memastikan pematuhan standard pelepasan kenderaan di seluruh negara.

Majlis pelancaran telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Wan Abdul Latiff Wan Jaffar, Ketua Pengarah Alam Sekitar.

Pelaksanaan program ini turut disokong oleh kerjasama erat Majlis Bandaraya Kuching Selatan serta agensi penguat kuasa seperti Polis Diraja Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan Sarawak, Agensi Anti Dadah Kebangsaan, dan pelbagai agensi kerajaan yang lain.

Pencapaian Operasi (Januari – Oktober 2025):

- 5,026 operasi dijalankan
- 312,178 kenderaan diperiksa
- 883 kompaun dikeluarkan
- 50 Perintah Larangan dikeluarkan terhadap kenderaan yang melebihi had pencemaran

Sarawak:

- 3,441 pemeriksaan
- 45 kompaun dikeluarkan



Ops Gerak Kebangsaan akan dilaksanakan serentak di seluruh negara pada minggu kedua Disember, dan operasi berkala akan diteruskan dari semasa ke semasa. JAS mengingatkan pemilik kenderaan komersial, industri dan persendirian untuk memastikan kenderaan sentiasa dalam keadaan baik, mematuhi spesifikasi teknikal serta mengelakkan pengubahsuaian yang menyebabkan pelepasan asap berlebihan atau pencemaran bunyi.

JAS komited mempertingkatkan pemeriksaan, pemantauan dan penguatkuasaan demi memastikan standard pelepasan kenderaan terus dipatuhi serta kualiti udara negara kekal bersih dan mampan.

KUNJUNG HORMAT MET MALAYSIA KE ATAS JAS PERKUKUH KERJASAMA STRATEGIK

12 DISEMBER 2025, PUTRAJAYA

Ketua Pengarah Alam Sekitar, YBhg. Dato' Wan Abdul Latiff Wan Jaffar, hari ini menerima kunjung hormat daripada Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia), YBrs. Dr. Mohd Hisham bin Mohd Anip.

Kunjungan ini bertujuan memperkukuh kerjasama strategik antara kedua-dua agensi dalam usaha meningkatkan kualiti udara negara serta mempertingkatkan kesiapsiagaan terhadap isu perubahan iklim.

Perbincangan ini turut disertai oleh pegawai-pegawai daripada kedua-dua agensi, sekali gus membuka ruang kepada libat urus teknikal yang lebih menyeluruh bagi memperkukuh kerjasama sedia ada.

Antara perkara utama yang dibincangkan meliputi:

Perkongsian Data & Kepakaran Teknikal

- Perkongsian data stesen pengawasan kualiti udara JAS
- Kerjasama pembangunan Chemical Transport Modelling (CMAQ) bagi meningkatkan keupayaan ramalan kualiti udara MET Malaysia

Kerjasama Antarabangsa

- Acid Deposition Monitoring in East Asia (EANET)
- ASEAN Agreement on Transboundary Haze Pollution (AATHP)

Kolaborasi Nasional

- Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan
- Pelan Tindakan Pembakaran Terbuka Kebangsaan

Kunjungan ini mencerminkan komitmen bersama antara JAS dan MET Malaysia untuk terus memperkukuh kesiapsiagaan negara, meningkatkan ketepatan ramalan udara, serta memastikan pengurusan alam sekitar berada pada tahap terbaik demi kesejahteraan rakyat.



PROGRAM SERAHAN KAMPUNG ANGKAT MADANI (KAM) JAS 2025

13 DISEMBER 2025 | KAMPUNG LINGGI, NEGERI SEMBILAN

Jabatan Alam Sekitar (JAS) melalui Bahagian Komunikasi Strategik (BKS), dengan kerjasama JAS Negeri Sembilan serta komuniti Kampung Linggi, telah berjaya melaksanakan Program Serahan Kampung Angkat MADANI (KAM) JAS 2025, selaras inisiatif Kerajaan untuk merapatkan jurang pembangunan antara desa dan bandar.

Program KAM JAS ini merangkumi 22 projek dan program di bawah lima skop utama iaitu: Pusat Advokasi Alam Sekitar, Sekolah Lestari, Masjid Lestari, Dewan Orang Ramai & Balai Raya Lestari serta Gotong-Royong Lestari. Antara inisiatif utama termasuk pemasangan sistem solar, naik taraf kemudahan komuniti dan program pendidikan serta kesedaran alam sekitar melalui kerjasama bersepadu pelbagai agensi dan pihak berkepentingan.



Pelbagai aktiviti kemasyarakatan turut dijalankan, antaranya cabutan bertuah, pertandingan mewarna kanak-kanak, pemeriksaan kesihatan serta pengumpulan Al-Quran rosak untuk pelupusan teratur.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada semua agensi, JPKK Kampung Linggi, sukarelawan dan komuniti Kampung Linggi atas komitmen serta sokongan berterusan. Diharapkan segala projek ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya serta menjadi pemangkin kepada kelestarian alam sekitar, pemerkasaan komuniti dan pembangunan mampan.

Komitmen strategik antara Kerajaan dan komuniti diyakini mampu menjadikan Kampung Linggi sebagai contoh kejayaan dan rujukan bagi pelaksanaan KAM pada masa hadapan.




Koleksi Buku di Perpustakaan EiMAS dan Ibu Pejabat JAS

BIL.72/2025

PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EIMAS

Uncertainty in Remote Sensing and GIS



Remote sensing and geographical information science (GIS) have advanced considerably in recent years. However, the potential of remote sensing and GIS within the environmental sciences is limited by uncertainty, especially in connection with the data sets and methods used. In many studies,


Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS)
www.eimas.doe.gov.my

BIL.73/2025

PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EIMAS

POLLUTION, PROPERTY AND PRICES

An Essay in Policy-making and Economics



In this classic book, originally published in 1968 by University of Toronto Press, John Dales proposed a new policy instrument for tackling pollution problems, namely 'markets in pollution rights'. Dales was one of the first economists to put forward such a solution, and in subsequent years a system of emissions trading has evolved which is now a centrepiece in international discussions of how to address the problem of global climate change.


Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS)
www.eimas.doe.gov.my

BIL.77/2025

PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EIMAS

WATER RESOURCES SYSTEMS ANALYSIS


→ Experience has shown that structural solutions for water diversion, conservation, and transfer are not always the most efficient and economically sound alternatives. New, non-structural means of solving problems must be used to guarantee safe and efficient allocation of water to domestic, agricultural, and industrial customers. Focusing on conflict resolution, Water Resources Systems Analysis discusses systematic approaches for the mathematical modeling of various water resources issues, helping decision-makers allocate water effectively and efficiently



PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EIMAS
www.eimas.doe.gov.my

PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EIMAS

COMMUNICATION Management



Management is the coordination of resources through the process of planning, organising, directing and controlling in order to attain stated objectives. Management is the art and science of organising and directing human resources applied to control the forces and the materials of nature for the benefit of man.

PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EIMAS
www.eimas.doe.gov.my


Koleksi Buku di Perpustakaan EIMAS dan Ibu Pejabat JAS

BIL.80/2025

PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EIMAS

THE EMOTIONALLY INTELLIGENT TEAM

A team that functions with healthy emotional and social intelligence experiences a multitude of benefits. Decades of work with organizations and teams repeatedly demonstrate that the relationships between team members affect everyone's productivity and happiness. There's an old saying that you may have heard: "If Mama ain't happy, nobody's happy." Well, the same is true for team members: if one team member isn't happy, everyone is negatively affected.




www.eimas.doe.gov.my

BIL.81/2025

PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EIMAS

Protecting The Gulf's Marine Ecosystems From Pollution

This has led to increased rates of transport, industrial development, and consumption of water, food, and goods, which in turn, led to significantly increased rates of environmental pollution. Regional conflicts have also taken their toll and contributed to environmental pollution.



www.eimas.doe.gov.my

BIL.84/2025

PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EIMAS

Environmental Law for The Built Environment

This book provides a concise exposition of the relevant law and techniques commonly used to meet the regulatory requirements concerning the built environment. It provides a much needed reference and learning text for the growing professional and student involved in the subject. Aspects of environmental law and technology covered include the administration and sources of law, town and country planning, water and air pollution, waste, integrated pollution control and the natural environment.



<http://elibrary.doe.gov.my/cgi-bin/koha/opac-detail.pl?biblionumber=11099>

PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EIMAS
www.eimas.doe.gov.my

BIL.87/2025


PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EIMAS

Carbon Dioxide Chemistry

Environmental Issues

This book derives from a workshop held in Sweden to examine the environmental implications of the dramatic increase in carbon dioxide levels in the atmosphere in the last 50 years and to find ways of mitigating greenhouse gas emissions.

This multi-disciplinary approach makes it essential reading not only for chemists but for all engineers, biologists and environmentalists concerned with this crucially important issue.



Koleksi Buku di Perpustakaan EIMAS dan Ibu Pejabat JAS

BIL. 90/202

PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EIMAS

A History Of Modern Computing

Computing might some day seem to be a minor part of our history. Has that day come already? Who is to have been critical was the transformation of the computer from a stand-alone to a networked device. This transformation could not have happened were it not for the transition from batch to interactive use. Although the roots of cyberspace are found in the laboratories of manufacturers including Intel, and in personal computer companies like Apple, the spiritual roots of cyberspace are found in time-sharing experiments like Project



SCAN ME



More Information
www.eimas.doe.gov.my

BIL. 90/202


PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EIMAS

THE JUICING DETOX DIET

"Juicing" is a fast, nutritious way to lose weight and combat allergies. This book includes weekend, one week, and two week recipes/clean-up plans as well as holiday tips.



SCAN ME



More Info : www.eimas.doe.gov.my


BIL. 66/202

PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EIMAS

ELEMENTS OF ENVIRONMENTAL ENGINEERING

Thermodynamics and Kinetics

Each chapter has been rewritten and includes new examples that better illuminate the theories discussed. An excellent introduction to environmental engineering, this reference stands alone in its multimedia approach to fate and transport modeling and in pollution control design options. Clearly and lucidly written, it provides extensive tables, figures, and data that make it the reference to have on this subject.



More Info :
www.eimas.doe.gov.my


BIL. 69/202

PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EIMAS

Installing Environmental Management Systems

A Step-by-step Guide

A practical handbook for corporate executives and project managers on how to establish and maintain an effective environmental management system (EMS), including ISO 14001 and the European Eco-Management and Audit Scheme (EMAS). It draws on the authors' hands-on experience in implementing EMSs and training others to do so




More Info ▶ PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EIMAS
www.eimas.doe.gov.my

Koleksi Buku di Perpustakaan EIMAS dan Ibu Pejabat JAS

BIL. 89/20

PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EIMAS

CONDUCTING ENVIRONMENTAL IMPACT ASSESSMENT FOR DEVELOPING COUNTRIES



Environmental Impact Assessment (EIA) is a policy and management tool for planning and decision-making, allowing the identification, prediction and evaluation of the environmental impact of proposed development projects. This text provides an introduction to EIA, with sections on its process, methods and tools. It discusses the implementation of specific environmental measures and the need for their constant monitoring, as well as reviewing the final reporting of an EIA.


<http://elibrary.doe.gov.my/cgi-bin/koha/opac-detail.pl?biblionumber=10973>

MORE INFO :
www.eimas.doe.gov.my

PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EIMAS

ECOSYSTEM RESPONSES TO MERCURY CONTAMINATION

This book draws on the knowledge of forty international experts in the fields of atmospheric transport and deposition, mercury cycling in terrestrial and aquatic ecosystems, and mercury bioaccumulation in aquatic foodwebs and wildlife



Ecosystem Responses to Mercury Contamination
Indicators of Change

Edited by:
Neal Harris • David C. Rypensky
Robert Stewart • William W. Meyer
Robin Reash • Yvonne Sotoyama

MORE INFO :
www.eimas.doe.gov.my

PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EIMAS

BASIC HAZARDOUS WASTE MANAGEMENT




This third edition updates and expands the material presented in the best-selling first and second editions of Basic Hazardous Waste Management. It covers health and safety issues affecting hazardous waste workers, management and regulation of radioactive and biomedical/infectious wastes, as well as current trends in technologies.

MORE INFO :
www.eimas.doe.gov.my

PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EIMAS


ENVIRONMENTAL COMPLIANCE HANDBOOK




Updated to include new laws and regulations, this second edition of a bestseller also contains new chapters on Environmental Justice and Range Rule. For organizations subject to the myriad federal, state, and local environmental laws, the first edition served as a standard resource. Building on that foundation, Environmental Compliance Handbook, Second Edition includes instructions on how to modify its material for application to an organization's particular needs.

PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EIMAS

Understanding Environmental Pollution



The third edition of this well-received textbook delivers a concise overview of global individual environmental pollution for undergraduate courses, presenting students with the tools to assess environmental issues. With more than thirty percent new material, Hill assesses pollution from an international perspective, including air and water pollution, global warming, energy, solid hazardous waste, and pollution at home.



SCAN ME

MORE INFO :
www.eimas.doe.gov.my

What Smart Couples Know

The Secret To A Happy Relationship

As emotional intelligence is the key to success in life generally and in business, it is also a critical ingredient to the successful relationship. This book presents a program to help couples and individuals develop their EQ so that they will be more successful in relationships. The book is mostly intended for people in committed relationships, but will also help singles.




SCAN ME




PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EIMAS

HANDBOOK OF RECYCLED CONCRETE AND DEMOLITION WASTE



The civil engineering sector accounts for a significant percentage of global material energy consumption and is a major contributor of waste material. The ability to recycle and reuse concrete and demolition waste is essential to reducing environmental impacts in national, regional and global environmental targets.



SCAN ME

More Info :
www.eimas.doe.gov.my

MAGNET KEKAYAAN & KEJAYAAN

Buku ini membongkarkan jawapan yang dihadapi oleh majoriti manusia di muka bumi ini iaitu

- Rahsia menguasai potensi diri
- Rahsia minda jutawan yang terbukti berkesan
- Amalan individu kaya dan berjaya
- Strategi dan seni menarik kekayaan secara automatik




SCAN ME


PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EIMAS
Institut Alam Sekitar Malaysia (EIMAS)
www.eimas.doe.gov.my

Koleksi Buku di Perpustakaan EIMAS dan Ibu Pejabat JAS

Perpustakaan Jabatan Alam Sekitar
Kementerian Sumber Asli dan
Kelestarian Alam
Aras 1, Podium 2 & 3
Wisma Sumber Asli
No.25, Persiaran Perdana,
Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan
62574 Putrajaya
Telefon : 03 - 8871 2000
Faks : 03 - 8888 9987
Hotline : 1-800-88-2727



Perpustakaan
Institut Malaysia Alam Sekitar (EiMAS)
Jabatan Alam Sekitar
Kampus Universiti Kebangsaan Malaysia
Beg Berkunci No 24
43600 Bangi
Selangor Darul Ehsan.
Latitud : 2.9255121 Longitud : 101.7883249
Tel: 03-8926 1500/ 03-89262005/ 03-
89261368/ 03-89250873/ 03-89261369
Faks: 03-8926 1700



ENVIRONMENTAL TOXINS

Word Search Puzzle



L K I C L I M A T E A P R O S S E R T S M T O
U C Y E T S A W N C Q G L V A E R O S O L S D
E S E E G I G A E V U C L Q T A X S F M Q R R
N Q N Y R B N C N O I T U L L O P N I V O Z E
V D A Z P G O U E D F E C N A R E L O T F G H
I H A B I T A T Y C E T A X V N B L O R K A T
R B H B J X E A T V R O F V U M S A B E L O A
O E S U O H N E E R G X Y K P M F J I C D H E
N G N I T R O G E N R I G P B Q R A O Y O B W
M F A A D E Y Q X V D C E R H K W Q S C M N F
E I U H B S R D A T M O S P H E R E P L G O C
N S U E D K E T H O E L I S L T G P H I Z B U
T K E I V N V I A G C O H X V U F L E N Y R W
K W I N D I C A T O R G F H H Q R D R G L A A
X P I J K I F R Q L H Y C I T O I B E G X C S
W S H E M Y L F P C Q G I Z F E Y F U G W A D

Aerosols

Aquifer

Atmosphere

Biosphere

Biotic

Carbon

Climate

Environment

Greenhouse

Habitat

Indicator

Nitrogen

Pollution

Recycling

Smog

Stressor

Tolerance

Toxicology

Waste

Weather



**Jabatan Alam Sekitar
Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam
Aras 1 – 4, Podium 2 & 3
Wisma Sumber Asli
No.25, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62574 Putrajaya
Telefon : 03 – 8871 2000
Faks : 03 – 8888 9987
Hotline : 1-800-88-2727**

www.doe.gov.my

“ALAM SEKITAR TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

